

Headline	BPR diperluas ke Parlimen, DUN - Ishak		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	41	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	219 cm <sup>2</sup>
Journalist	ROSALINDA MD. SAID	AdValue	RM 4,368
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,104



## BPR diperluas ke Parlimen, DUN - Ishak

Oleh ROSALINDA MD. SAID  
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 5 SEPT.

**P**ROGRAM Bazar Peduli Rakyat (BPR) yang menawarkan harga produk agromakanan yang lebih rendah berbanding pasaran semasa bakal diperluaskan ke seluruh kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 2021.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail berkata,

dalam tempoh tersebut pihaknya turut melancarkan kira-kira 2,000 usahawan baharu termasuk usahawan tani.

Katanya, BPR yang digerakkan dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) itu merupakan pendekatan alternatif buat usahawan tani dalam memasarkan produk mereka secara terus ke-



ISHAK ISMAIL

pada pengguna sekali gus berpeluang menambah pendapatan di samping mengurangkan peningkatan kos sara hidup.

"Sejak diperkenalkan pada Februari lalu, BPR sudah dilaksanakan di enam lokasi iaitu Pulau Pinang, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Se-

langor dengan yang terbaharu pada hari ini di Terengganu.

"Bagi lokasi tersebut, BPR kini

menjadi program bulanan dan sekiranya sambutan terus menggalakkan, ia mungkin dibuat dua minggu sekali di samping sasaran untuk diperluaskan ke peringkat DUN," katanya dalam sidang akhbar selepas program BPR di Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI) di Manir di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman dan Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil.

Program BPR terbukti dapat meningkatkan pendapatan usahawan tani sehingga ke 50 peratus manakala pengguna pula

dapat menikmati harga murah antara lima hingga 30 peratus.

Dalam perkembangan sama, Ishak berkata, BPR turut menyediakan inisiatif *My Food for Um-mah* yang merupakan program lanjutan untuk berkongsi rezeki dengan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

Katanya, satu kaunter khas disediakan bagi membolehkan usahawan tani dan orang ramai menyumbangkan sedikit barangan jualan serta belian mereka untuk diagihkan kepada 50 penerima yang terpilih.